

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

1. Bagaimanakah perancangan jangka masa Kerajaan Negeri bagi menangani kesan ekonomi akibat COVID-19?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Bagi menangani kesan ekonomi akibat COVID-19 dalam tempoh jangka masa pendek, Kerajaan Negeri telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Negeri Pulau Pinang melibatkan peruntukan berjumlah RM75 juta bagi membantu golongan yang paling terkesan dan dalam masa yang sama membolehkan kelangsungan perniagaan tetap berjalan bagi membolehkan ekonomi negeri terus berjalan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi tempoh jangka masa panjang, Kerajaan Negeri tetap meneruskan segala dasar dan polisi sedia ada yang menjadi pemangkin kepada pergerakan ekonomi dan sebarang inisiatif baharu yang mampu melonjakkan ekonomi negeri akan diumumkan dari semasa ke semasa.